

Aktiviti 1

(a) Berikan respons terhadap soalan.

Ikan Puyu

Imran telah mengunjungi pak ciknya yang mengusahakan ternakan ikan puyu. Pak Cik Harun memberikan penjelasan tentang ternakan ikan puyu kepada Imran.



- + Ikan puyu satu spesies ikan air tawar.
- + Bersisik keras dan bersirip tajam.
- + Tempoh matang ikan puyu puratanya antara 120 hingga 150 hari.
- + Kolam ternakan yang paling baik ialah kolam tanah kerana terdapat tumbuhan seperti kiambang di dalam kolam ikan puyu.
- + Ikan puyu boleh dibuat pekasam.
- + Pekasam yang digoreng rangup sedap apabila dimakan dengan nasi putih.


Mengapakah ikan puyu perlu ditenak dalam masa 120 hingga 150 hari?

Ikan puyu perlu ditenak dalam jangka masa tersebut untuk mencapai tempoh matangnya.

Mengapakah kolam ternakan yang paling baik ialah kolam tanah?

Apakah tumbuhan yang terdapat di dalam kolam puyu?

Bagaimanakah biasanya ikan puyu dimakan?



• Minta murid memberikan respons terhadap soalan.